

Rakyat sendiri perlu pertahanan negara — PM

UM 13 MAY 1956

KUALA LUMPUR 12 Mei — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini menegaskan betapa perlunya negara ini dipertahankan oleh rakyatnya sendiri memandangkan kemerdekaan yang dicapai adalah lahir dari pengorbanan mereka.

Perdana Menteri menegaskan, jika mereka meng-

harapkan kepada orang lain untuk berbuat demikian akibatnya rakyat terpaksa mengorbankan kemerdekaan itu.

"Pertahanan adalah suatu tugas yang penting. Tiada siapa lain akan pertahankan tanahair kita, melainkan kita sendiri," tegasnya di majlis jamuan makan selepas terbuka

dan bersembahyang Maghrib bersama para anggota tentera dan awam di masjid Kementerian Pertahanan, Jalan Padang Tembak di sini.

Sehubungan dengan itu, beliau yang juga bekas Menteri Pertahanan, memuji tanggungjawab pertahanan itu yang sebahagian

besarnya terpaksa dipikul oleh angkatan tentera dan polis.

Menurutnya, di atas kewibawaan anggota-anggota pertahanan yang menangkis segala serangan dan ancaman komunis itulah, rakyat jelata dapat hidup dan bergerak dengan bebas dalam suasana aman

Datuk Sri Dr. Mahathir turut mengingatkan para anggota tentera yang beragama Islam supaya sentiasa bekerjasama dan mendekati anggota yang bukan seagama dengan mereka.

Menurutnya, para anggota tentera itu juga turut memainkan peranan yang penting dalam menjamin keselamatan negara.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang menyifatkan majlis itu sebagai "majlis perpisahannya dengan Kementerian Pertahanan turut memuji kerjasama kementerian itu yang begitu baik dengannya tanpa menimbulkan sebarang masalah besar."

Majlis tersebut dihadiri oleh kira-kira 1,000 orang itu termasuk Menteri Pertahanan yang baru, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, timbalannya, Datuk Abang Abu Bakar, Ketua Setiausaha Kementerian, Tan Sri Abdul Yusof Rahman dan para pegawai kanan tentera.

Isteri Perdana Menteri, Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah dan isteri Datuk Abdullah, Datin Hajah Hendon hadir sama pada majlis itu.